

Potongan Cukai Bulanan sebagai Cukai Muktamad

Mulai Tahun Taksiran 2014, pembayar cukai berpendapatan penggajian dan mempunyai Potongan Cukai Bulanan (PCB) dibenarkan memilih untuk tidak mengemukakan borang nyata kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Pembayar cukai yang memenuhi syarat tetapi tidak memfailkan borang nyata cukai mengikut tempoh yang ditetapkan dianggap telah memilih PCB sebagai cukai muktamad sekali gus amaun PCB yang diremitkan ke HASiL akan dianggap sebagai cukai muktamad mereka.

Syarat-syarat PCB sebagai cukai muktamad

1. Cukai tidak ditanggung oleh majikan.
2. Mempunyai satu punca penggajian termasuk Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK).
3. Berkhidmat dengan hanya satu majikan yang sama dalam tempoh 12 bulan dalam satu tahun kalendar (mesti genap 12 bulan bekerja).
4. PCB di potong mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994.
5. Pembayar cukai dan pasangan membuat pilihan taksiran berasingan.

Kebaikan PCB sebagai cukai muktamad

1. Tidak perlu menunggu bayaran balik setiap tahun.
2. Tiada baki cukai yang perlu dibayar.
3. Tiada isu lewat hantar borang nyata.
4. Tidak perlu kemukakan rayuan.
5. Boleh tuntutan potongan (pelepasan) dan rebat dalam borang TP1 kepada majikan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Peranan majikan

Potongan Cukai Berjadual (PCB)

- Potongan cukai berdasarkan Jadual PCB atas saraan pekerja yang layak dan diremitkan ke HASiL tidak lewat daripada 15 hari bulan dalam bulan berikutnya. Sebagai contoh, PCB bagi bulan Januari hendaklah diremitkan oleh majikan kepada HASiL selewat-lewatnya pada 15 Februari.
- PCB merupakan pengiraan cukai bagi tahun taksiran semasa.

Pendapatan yang layak dikenakan cukai adalah tertakluk kepada PCB. Majikan perlu memastikan PCB yang dikira dan dipotong daripada saraan pekerjaan mestilah benar, betul dan tepat serta diremit dalam waktu yang ditetapkan kepada HASiL.

Jenis Saraan yang Tertakluk kepada PCB

1. Saraan biasa

- Gaji
- Upah
- Bayaran kerja lebih masa
- Tip
- Komisen
- Elaun
- Fi Pengarah
- Perkuisit
- Saraan lain berhubung dengan penggajian

2. Saraan Tambahan

- Bonus atau insentif
- Tunggakan
- Skim Opsyen Saham Pekerja
- Cukai yang ditanggung oleh majikan
- Ganjaran
- Pampasan untuk kehilangan pekerjaan
- Ex-gratia
- Komisen (Tidak dibayar secara bulanan)
- Elaun (Tidak dibayar secara bulanan)
- Fi Pengarah (Tidak dibayar secara bulanan)
- Perkuisit (Tidak dibayar secara bulanan)
- Apa-apa bayaran lain sebagai tambahan

e-PCB Plus

e-PCB Plus telah dilaksanakan sepenuhnya oleh HASiL dengan penggabungan semua perkhidmatan e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform dan boleh dicapai menerusi portal MyTax mulai 3 Februari 2025.

Perkhidmatan ini dibuka kepada majikan/pengguna yang memilih bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) melalui kaedah e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 sebelum ini dengan semua fungsi termasuk pendaftaran, pengemukakan data dan bayaran PCB oleh majikan telah digabungkan di e-PCB Plus.

POTONGAN CUKAI BULANAN

